

**AmInvestment Bank****AmEquities****LEMBARAN PENERANGAN PRODUK****Nota:**

Sila baca dan fahami Lembaran Penerangan Produk ini berserta dengan terma dan syarat sebelum anda memohon dan membuat keputusan untuk mendaftar produk ini.

Sila peroleh juga penjelasan daripada kami jika anda memerlukan penjelasan lanjut mengenai mana-mana bahagian atau terma dokumen ini.

Aminvestment Bank Berhad (197501002220)**Produk:****Intra Day Short Selling ("IDSS")****Tarikh Tayangan:****30 Oktober 2025 (Versi 1.2)****1. Apakah produk ini?**

Jualan Pendek Intra Day ("IDSS") ialah akaun dagangan saham yang ditawarkan oleh AmInvestment Bank ("Bank") kepada anda yang membolehkan anda menjual saham yang dipinjam dahulu dan membeli saham yang sama selepas itu.

2. Apakah syarat kelayakan?

- a) Anda mestilah berumur 18 tahun dan ke atas.
- b) Anda mesti memiliki Sistem Depositori Pusat ("CDS") dengan Bank.
- c) Anda mesti memiliki akaun dagangan dengan Bank.
- d) Anda mesti mempunyai akaun dagangan yang ditetapkan untuk IDSS atas nama Penama AmSec (Tempatan/Asing) Sendirian Berhad.
- e) Anda TIDAK boleh memiliki sebarang rekod muflis atau salah laku yang belum dilepaskan.

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- a) **Fleksibiliti**
Anda boleh menjual saham dahulu dan membeli saham yang sama selepas itu.
- b) **Keselesaan**
Anda boleh melaksanakan pesanan IDSS dalam talian melalui platform dagangan kami.

4. Apakah terma dan syarat khusus?**a) Sekatan**

- i. Pesanan IDSS hanya boleh dilaksanakan untuk saham diluluskan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia, yang dikemas kini dua kali setahun, pada bulan Mei dan November. Anda boleh menemui senarai saham yang diluluskan di laman web Bursa.
- ii. Pesanan IDSS tidak dibenarkan untuk dilaksanakan semasa fasa Dagangan Akhir (4:50 PM hingga 5:00 PM).
- iii. Pesanan IDSS tidak dibenarkan untuk dilaksanakan sebagai pesanan bawa ke hadapan dan pesanan sah sehingga tarikh tertentu ("GTD").
- iv. IDSS tidak layak untuk:
 - Akaun pembiayaan margin;
 - Akaun Pembrokeran Saham Islamik ("ISB");
 - Married transaksi Dalam Pasaran ("OMMT");
 - Direct business Transaksi ("DBT");
 - Odd lot.
- v. Pesanan IDSS dengan syarat-syarat berikut adalah tidak dibenarkan. Kegagalan untuk mematuhi akan menyebabkan penggantungan oleh Bursa Malaysia:
 - Jumlah kasar melebihi had maksimum harian 3% daripada saham tertunggak.
 - Harga saham jatuh lebih daripada 15% (untuk harga lebih daripada RM1.00) atau RM0.15 (untuk harga kurang daripada RM1.00) daripada harga penutupan hari sebelumnya.
 - Agregat volum bersih dalam satu tempoh masa ialah 10% daripada kuantiti saham tertunggak.

b) Masa Cutoff untuk Menutup Kedudukan IDSS Terbuka

- i. Ia adalah wajib untuk menutup kedudukan IDSS terbuka dalam hari dagangan yang sama sebelum 4:30 PM. Sekiranya gagal berbuat demikian, pihak Bank akan mengambil alih dari 4:31 PM dan seterusnya untuk menutupnya secara paksa dipasaran. Kegagalan menutup kedudukan IDSS adalah melanggar peraturan Bursa Malaysia dan mungkin tertakluk kepada tindakan penguatkuasaan oleh Bursa Malaysia.
- ii. Semua pesanan IDSS tertunggak dan masih berada dalam barisan di pasaran mesti ditarik balik sebelum 4:30 PM untuk mengelakkan sebarang kemungkinan kedudukan IDSS terbuka selepas 4:30 PM. Bank akan menggantung akaun IDSS secara automatik daripada melaksanakan pesanan IDSS dari 4:31 PM dan seterusnya.

c) Penyelesaian untuk Kedudukan IDSS Terbuka yang Gagal Ditutup dalam Hari Dagangan Yang Sama

- i. Dengan memindahkan saham dari akaun CDS lain milik pelanggan yang sama.
- ii. Dengan meminjam saham tersebut, tertakluk kepada ketersediaan, daripada pemberi pinjaman yang diluluskan dengan kos yang dikenakan oleh pemberi pinjaman.
- iii. Jika kedua-dua perkara di atas tidak berjaya, kedudukan tersebut akan tertakluk kepada pembelian masuk Bursa Malaysia pada tarikh tamat tempoh, dan anda akan bertanggungjawab ke atas kos atau kerugian yang ditanggung daripada pembelian masuk.

d) Pindaan Perintah

- i. Anda tidak dibenarkan untuk meminda pesanan jualan daripada IDSS ke akaun dagangan biasa anda, begitu juga sebaliknya.
- ii. Anda boleh meminta untuk meminda pesanan belian daripada IDSS ke akaun dagangan biasa anda, begitu juga sebaliknya.

e) Had dagangan

- i. Cagaran mesti didepositkan dengan Bank sebelum IDSS boleh dijalankan.
- ii. Had dagangan akan diberikan berdasarkan jenis cagaran dan akaun di mana cagaran itu didepositkan.

f) Pesanan Dalam Talian

- i. Anda boleh membuat pesanan IDSS anda dalam talian melalui platform dagangan kami dengan memilih akaun dagangan yang ditetapkan IDSS yang betul, yang mana nombor akaun bermula dengan 'IDSS' diikuti dengan digit. Contohnya, IDSS0001. Kegagalan untuk memilih akaun dagangan yang ditetapkan IDSS akan menyebabkan pesanan anda dianggap sebagai pesanan biasa.
- ii. Untuk mengesahkan pesanan IDSS dalam talian anda, anda boleh menambah lajur 'OrdSubType' dalam buku pesanan dalam talian anda, di mana 'IDSS' akan dipaparkan untuk menunjukkan bahawa pesanan telah berjaya diserahkan sebagai pesanan IDSS.

5. Apakah yuran dan caj yang terlibat? Untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj berkaitan dengan IDSS, sila rujuk kepada Jadual Kadar, Yuran & Caj AmlInvestment Bank Berhad.					
6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya? a) Bank berhak untuk menjual secara paksa atau mencairkan saham anda atau menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang disimpan dengan Bank terhadap sebarang baki debit tertunggak. b) Bank boleh menggantung atau menamatkan akaun dagangan saham anda. c) Bank boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda, dan anda perlu menanggung semua kos yang terlibat serta bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan selepas itu.					
7. Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk? a) Risiko Pasaran Harga saham boleh berubah secara mendadak disebabkan faktor ekonomi, politik, atau peristiwa global. Ini boleh menjejaskan nilai pelaburan anda. b) Risiko Kecairan Saham mungkin tidak boleh dipasarkan, tidak cair, dan tidak mudah diniagakan di pasaran pada harga yang berpatutan. Anda mungkin perlu menunggu atau menerima harga yang rendah untuk mencairkan pelaburan anda dan mengurangkan kerugian. c) Risiko Syarikat Prestasi kewangan dan operasi syarikat boleh menjejaskan harga sahamnya. Kegagalan dalam perniagaan dan pengurusan boleh menyebabkan nilai pelaburan anda menurun. Adalah disarankan agar anda membuat kajian terperinci sebelum melabur dalam saham syarikat tersebut. d) Risiko Inflasi Kuasa beli pelaburan anda mungkin terhakis dari masa ke masa jika pulangan diterima lebih rendah atau tidak seiring dengan kadar inflasi. e) Risiko Kawal Selia Perubahan dalam undang-undang dan peraturan kerajaan boleh memberi kesan material kepada operasi syarikat, yang seterusnya boleh mempengaruhi harga saham dan pulangan pelaburan anda. Sila ambil perhatian bahawa senarai ini tidak lengkap dan hanya berfungsi sebagai panduan. Sebelum anda mengambil sebarang keputusan untuk membuat pelaburan, anda dinasihatkan untuk berunding dengan wakil peniaga kami yang profesional untuk menilai profil risiko anda.					
8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada profil peribadi dan butiran hubungan saya? Adalah penting untuk anda menghubungi kami (sila rujuk item 9 di bawah) dan mengemas kini sebarang perubahan terkini maklumat peribadi serta butiran hubungan anda bagi memastikan maklumat anda sentiasa terkini dan semua urusan komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.					
9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan? <table border="1"> <tr> <td> (i) Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di: AmlInvestment Bank Berhad (Ibu Pejabat) Alamat: Tingkat 8, Bangunan AmBank Group, 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur Anda boleh merujuk kepada: a) Pasukan khidmat Pelanggan kami Telefon: +60 3 2031 0102 Emel: helpdesk-ebiz@ambankgroup.com Waktu Operasi: 8:00AM - 5:30PM setiap Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) b) Mana-mana wakil peniaga kami yang profesional di: Emel: sales-ebiz@ambankgroup.com Waktu Operasi: 9:00AM - 5:00PM setiap Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) c) Laman web rasmi: www.amequities.com.my d) Mana-mana cawangan kami di seluruh negara (sila rujuk www.amequities.com.my/locate-branch untuk mencari cawangan terdekat anda) </td> <td> (ii) Secara alternatif, anda boleh memperoleh perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK"), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") menyediakan perkhidmatan secara percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (Headquarter) Alamat: 5th and 6th Floor, Menara Aras Raya (dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputra Commerce), Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Telefon: +60 3 2616 7766 Emel: enquiry@akpk.org.my Laman Web: www.akpk.org.my </td> <td> (iii) Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia BNMLINK (dahulunya dikenali sebagai BNMTELELINK), atau Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan ("FMOS") di: Bank Negara Malaysia (Ibu Pejabat) Alamat: BNMLINK, Jabatan Komunikasi Korporat, Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur Telefon: 1300 88 5465 (LINK) Fax: +60 3 2174 1515 Laman Web: www.bnm.gov.my Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (Ibu Pejabat) Alamat: Tingkat 14, Blok Utama Menara Takaful Malaysia No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur Telefon: +60 3 2272 2811 Laman Web: www.fmos.org.my </td> </tr> </table>			(i) Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di: AmlInvestment Bank Berhad (Ibu Pejabat) Alamat: Tingkat 8, Bangunan AmBank Group, 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur Anda boleh merujuk kepada: a) Pasukan khidmat Pelanggan kami Telefon: +60 3 2031 0102 Emel: helpdesk-ebiz@ambankgroup.com Waktu Operasi: 8:00AM - 5:30PM setiap Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) b) Mana-mana wakil peniaga kami yang profesional di: Emel: sales-ebiz@ambankgroup.com Waktu Operasi: 9:00AM - 5:00PM setiap Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) c) Laman web rasmi: www.amequities.com.my d) Mana-mana cawangan kami di seluruh negara (sila rujuk www.amequities.com.my/locate-branch untuk mencari cawangan terdekat anda)	(ii) Secara alternatif, anda boleh memperoleh perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK"), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") menyediakan perkhidmatan secara percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (Headquarter) Alamat: 5th and 6th Floor, Menara Aras Raya (dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputra Commerce), Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Telefon: +60 3 2616 7766 Emel: enquiry@akpk.org.my Laman Web: www.akpk.org.my	(iii) Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia BNMLINK (dahulunya dikenali sebagai BNMTELELINK), atau Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan ("FMOS") di: Bank Negara Malaysia (Ibu Pejabat) Alamat: BNMLINK, Jabatan Komunikasi Korporat, Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur Telefon: 1300 88 5465 (LINK) Fax: +60 3 2174 1515 Laman Web: www.bnm.gov.my Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (Ibu Pejabat) Alamat: Tingkat 14, Blok Utama Menara Takaful Malaysia No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur Telefon: +60 3 2272 2811 Laman Web: www.fmos.org.my
(i) Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di: AmlInvestment Bank Berhad (Ibu Pejabat) Alamat: Tingkat 8, Bangunan AmBank Group, 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur Anda boleh merujuk kepada: a) Pasukan khidmat Pelanggan kami Telefon: +60 3 2031 0102 Emel: helpdesk-ebiz@ambankgroup.com Waktu Operasi: 8:00AM - 5:30PM setiap Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) b) Mana-mana wakil peniaga kami yang profesional di: Emel: sales-ebiz@ambankgroup.com Waktu Operasi: 9:00AM - 5:00PM setiap Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) c) Laman web rasmi: www.amequities.com.my d) Mana-mana cawangan kami di seluruh negara (sila rujuk www.amequities.com.my/locate-branch untuk mencari cawangan terdekat anda)	(ii) Secara alternatif, anda boleh memperoleh perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK"), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") menyediakan perkhidmatan secara percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (Headquarter) Alamat: 5th and 6th Floor, Menara Aras Raya (dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputra Commerce), Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Telefon: +60 3 2616 7766 Emel: enquiry@akpk.org.my Laman Web: www.akpk.org.my	(iii) Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia BNMLINK (dahulunya dikenali sebagai BNMTELELINK), atau Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan ("FMOS") di: Bank Negara Malaysia (Ibu Pejabat) Alamat: BNMLINK, Jabatan Komunikasi Korporat, Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur Telefon: 1300 88 5465 (LINK) Fax: +60 3 2174 1515 Laman Web: www.bnm.gov.my Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (Ibu Pejabat) Alamat: Tingkat 14, Blok Utama Menara Takaful Malaysia No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur Telefon: +60 3 2272 2811 Laman Web: www.fmos.org.my			

NOTA PENTING

- Sila baca dan fahami dokumen ini untuk mendaftar produk kami.
- Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.
- Dokumen ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat dan Perjanjian Standard berkenaan dengan produk, yang akan kekal terpakai dan mengikat, dan Bank boleh membuat pindaan atau perubahan padanya mengikut budi bicaranya.
- Maklumat yang diberikan dalam dokument ini adalah sah pada 30 Oktober 2025 sehingga kemas kini seterusnya.